



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lotus's uplifts SMEs with Buy M'sian campaign

PETALING JAYA: Underscoring its commitment toward raising the marketability of brands by Malaysian Small Medium Enterprises (SMEs), Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd announced its seventh Buy Malaysian Products Campaign in partnership with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living at Lotus's Setia Alam.

The campaign will have activities such as a product showcase, cooking demonstration, samplings and promotions that consumers can explore and purchase at an affordable price directly from the SMEs participating.

It will also play an essential role in enabling Lotus's Malaysia to further extend its support toward the government's efforts in driving domestic economic growth, mainly through its partnerships with local SME suppliers.

Lotus's said it recognises the very important role played by local SMEs in the national development, and its own role in helping millions of customers stretch their ringgit at times of inflation and increasing cost of living.

At present, 20% of its total suppliers are local SMEs supplying over 1,200 products ranging from cooking needs, ready to eat meals, frozen and canned food, household products, personal care to health products.

1,000 litres petrol seized in Lahad Datu

Azmie Lim

LAHAD DATU: The Marine Police Force here seized 1,000 litres of petrol on Saturday, believed to be smuggled out to the neighbouring country following a raid on a hut at Kampung Tandu.

Marine police raided the hut at about 5.30pm after carrying out surveillance and intelligence in the area.

Lahad Datu Marine Commanding Officer, Supt. Rohizan Mohamad Saaid, said result of inspection found about 1,000 litres of petrol inside a black plastic water tank.

"The team also seized two empty plastic water tanks, a pump and two units of plastic pipes," he said.

The petrol was believed to be smuggled out to the neighbouring country.

Rohizan said the seizures were taken to



Three water tanks, including one containing petrol, seized by Marine.

Lahad Datu Marine base for further action.

He said the seizures would be handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

"Investigations will be carried out under the Control of Supplies Act 1961," he added.

Cubaan seludup 1,000 liter petrol ke negara jiran gagal

Oleh Hamzah Sanudin

LAHAD DATU:

Pasukan Polis Marin (PPM) merampas 1,000 liter petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran selepas menyerbu sebuah pondok di kawasan bakau di Kampung Tandu, di sini, pada Jumaat.

Serbuan itu dilakukan PPM Lahad Datu selepas membuat tugas risikan dan pemantauan di kawasan berkenaan, kira-kira jam 5.30 petang.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Semporna, Superintendan Rohizan Mohamad Saaid berkata, hasil pemeriksaan didapati minyak petrol hampir 1,000 liter di dalam tangki air plastik warna hitam.

"Pasukan operasi turut menemukan dua lagi tangki air plastik warna hitam kosong serta satu pam dan dua unit paip plastik turut dirampas.

"Semua minyak petrol yang dirampas itu disyaki cuba diseludup ke negara jiran," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, semua rampasan dibawa ke Markas Operasi PPM Lahad Datu untuk tindakan dan siasatan lanjut.

"Barang rampasan akan diserahkan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Lahad Datu dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

SSM lancar platform SSM Search, SAFEDATA-SSM

PETALING JAYA: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kelmarin melancarkan dua platform pembekalan maklumat korporat baharu iaitu SSM Search dan SAFEDATA-SSM.

Pengerusinya Ahmad Sabki Yusof berkata platform yang telah berkuat kuasa sejak 1 April lepas, memudahkan akses kepada maklumat entiti perniagaan yang dikawal selia oleh SSM secara dalam talian.

Melalui platform ini, beliau berkata pelanggan boleh mendapatkan sebanyak 37 produk SSM seperti profil perniagaan, profil syarikat, maklumat kewangan syarikat dan salinan sijil pendaftaran perniagaan.

"Platform baharu ini menyediakan kemudahan untuk pembekalan maklumat entiti perniagaan secara dalam talian. Ia memastikan analisis maklumat yang tepat dan pantas dapat diakses oleh orang awam, seterusnya membantu mereka membuat keputusan perniagaan yang lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian semasa

sa berucap pada majlis pelancaran platform baharu pembekalan maklumat korporat SSM dan perasmian SSM Bizday 2024 di pasar raya besar Mydin Subang Jaya di sini kelmarin.

Ahmad Sabki berkata pelancaran platform baharu ini menjadikan jumlah platform pembekalan maklumat SSM kepada empat saluran selepas pengenalan portal SSM e-info pada 2006 dan MYDATA pada 2016.

Sehubungan itu beliau berkata, dengan pengenalan platform baharu ini, angka transaksi maklumat dijangka terus meningkat.

"Sejak 2019 hingga 31 Julai 2024, lebih 26.4 juta transaksi maklumat yang direkodkan melalui MyDATA-SSM dan portal SSM e-Info," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata sehingga 31 Julai 2024, sebanyak 1.56 juta syarikat telah diperbadankan manakala 9.32 juta perniagaan serta 39,783 perkongsian liabiliti terhad (PLT) didaftarkan.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 677,351 syarikat,



RASMI... Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Ahmad Sabki Yusof (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif SSM Datuk Nor Azimah Abdul Aziz (kiri) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Khuzairi Yahaya (kanan) merasmikan platform baharu pembekalan maklumat korporat SSM dan SSM Bizday 2024 kelmarin. • Foto BERNAMA

1.66 juta perniagaan dan 35,821 PLT adalah aktif.

Sementara itu, SSM turut melancarkan program SSM Biz-

day 2024 yang bermula hari ini sehingga esok di Mydin Subang Jaya.

Ahmad Sabki berkata pro-

gram yang kali kedua dianjurkan itu telah menerima penyertaan daripada lebih 600 peserta.

— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Perkukuh ekonomi domestik bantu atasi tempias faktor luar

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia perlu mengukuhkan struktur dan membina kekuatan ekonomi domestik sebagai antara usaha untuk mengawal sebarang tempias daripada faktor luaran termasuk cabaran geopolitik.

Beliau berkata perancangan kerajaan dalam kerangka Ekonomi MADANI adalah untuk memastikan segala yang dirancang berjalan dengan lancar tetapi tidak dapat mengelak daripada terkena biasan faktor global masa kini.

"Kita tidak menduga (terdapat) perubahan (geopolitik) di Timur tengah (misalnya) dan (perubahan) politik yang berlaku di dunia. Oleh itu, (penting) bagi (kita) untuk memperkukuh kekuatan domestik dan dalaman. Ini (perkara) utama dan harus difahami oleh rakyat.

"Mengukuhkan kekuatan dalaman kita bermakna (memerlukan) komitmen seluruh pimpinan, penjawat awam, sektor swasta dan rakyat. Justeru, kalau kita ada kekuatan domestik, tempias dari luar akan lebih terkawal," kata beliau pada sesi dialog dan forum Setahun Pencapaian Ekonomi MADANI Rakyat Zon Selatan 2024, di sini kelmarin.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai kesediaan Malaysia dalam menghadapi pelbagai pemboleh ubah atau faktor global yang sering berubah dalam mencapai sasaran



DIALOG... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sesi Forum dan Dialog: Setahun Pencapaian Ekonomi MADANI sempena penutupan Program MADANI Rakyat 2024 Zon Selatan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), kelmarin. Turut hadir, Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh. • Foto BERNAMA

di bawah Ekonomi MADANI.

Sambil menzahirkan kesyukuran, Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata usaha untuk mengukuhkan ekonomi juga dapat dilihat menerusi pertumbuhan ekonomi suku kedua 2024 sebanyak 5.9 peratus, mengatasi unjuran yang ditetapkan sebelum ini.

Mengenai penyasaran subsidi diesel, Perdana Menteri berkata kerajaan bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah tersebut

bagi mengelak kebocoran dana kerajaan yang selama ini turut dinikmati golongan kaya dan warga asing.

Anwar menyifatkan langkah tersebut sebagai bertepatan dengan usaha kerajaan mengurangkan ketirisan subsidi yang berlaku sejak sekian lama membabitkan jumlah sehingga mencecah berbilion ringgit.

"Apabila kita melaksanakan (penyasaran subsidi diesel), kena marah (justeru) kerajaan

mesti menjadi kerajaan yang bertanggungjawab, buat (apa) yang diperlukan.

"Kalau ada langkah-langkah tambahan untuk meringankan (beban) rakyat, kita jalankan. Ada yang berhak untuk dapat RM200 (tetapi) belum dapat, (perlu) daftar (Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi-SKSD2.0) dan kita akan beri.

"Lebih baik buat begitu daripada beri berbilion ringgit kepada orang asing dan (kemudian) (diesel) diseludup," kata beliau.

Terdahulu, dalam ucapan, Perdana Menteri berkata pencapaian ekonomi Malaysia pada suku kedua 2024 yang melebihi unjuran, antaranya dipacu oleh pelbagai inisiatif dan agenda yang dilaksanakan kerajaan di bawah kerangka Ekonomi MADANI.

"Semua ini menyebabkan keyakinan pelabur (meningkat) (ditambah) ringgit menjadi antara mata wang paling kukuh di rantau kita. Alhamdulillah," kata Anwar. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 OGOS 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Aug	130 tindakan kes membabitkan nilai rampasan berjumlah RM2,743,559.24 direkodkan oleh KPDN Cawangan Sandakan sejak 1 Jan hingga 15 Ogos 2024	https://beritasabah.com/130-tindakan-kes-membabitkan-nilai-rampasan-berjumlah-rm2743559-24-direkodkan-oleh-kpdn-cawangan-sandakan-sejak-1-jan-hingga-15-ogor-2024/	BERITA SABAH
19-Aug	KPDN Sandakan catat nilai rampasan lebih RM2.7 juta	https://sabahmedia.com/2024/08/16/kpdn-sandakan-catat-nilai-rampasan-lebih-rm2-7-juta/	SABAH MEDIA
19-Aug	Various activities and attractive offers at Southern Zone MADANI Rakyat Programme	https://thesun.my/local-news/various-activities-and-attractive-offers-at-southern-zone-madani-rakyat-programme-ON12868699	THE SUN
19-Aug	Jangan beri tekanan naik harga barang pada Disember- Anwar	https://www.kosmo.com.my/2024/08/16/jangan-beri-tekanan-naik-harga-barang-pada-disember-anwar/	KOSMO
19-Aug	SSM lancar dua platform baharu, sasar peningkatan transaksi lima peratus	https://www.malay.news/ssm-lancar-dua-platform-baharu-sasar-peningkatan-transaksi-lima-peratus/	MALAY NEWS
19-Aug	SSM lancar 2 platform baharu, sasar hampir 30 juta transaksi	https://www.kosmo.com.my/2024/08/16/ssm-lancar-2-platform-baharu-sasar-hampir-30-juta-transaksi/	KOSMO
19-Aug	SSM lancar dua platform baharu, sasar peningkatan transaksi lima peratus	https://www.utusan.com.my/nasion-al/2024/08/97595ssm-lancar-dua-platform-baharu-sasar-peningkatan-transaksi-lima-peratus/	UTUSAN MALAYSIA
19-Aug	MyCC lancar kajian semula pasaran ke atas ekosistem digital	https://www.bharian.com.my/berita-nasional/2024/08/1285611/mycc-lancar-kajian-semula-pasaran-ke-atas-ekosistem-digital	BERITA HARIAN

19-Aug	MyCC lancar kajian semula pasaran ekosistem ekonomi digital	https:// www.sinarharian.com.my/ article/680525/berita/nasional/ mycc-lancar-kajian-semula- pasaran-ekosistem-ekonomi- digital	SINAR HARIAN
19-Aug	MyCC to review digital economy's impact on cost of living	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/240100/mycc-to-review- digital-economy-s-impact-on- cost-of-living/	DAILY EXPRESS
19-Aug	Taylor's University perkenal inovasi teknologi baharu pemeriksaan pangkal rahim	https:// www.sinarharian.com.my/ article/680479/berita/ nasional/taylors-university- perkenal-inovasi-teknologi- baharu-pemeriksaan- pangkal-rahim	SINAR HARIAN
19-Aug	Stor haram jadi lokasi simpan, pindah tong LPG	https:// www.sinarharian.com.my/ article/680900/berita/ semasa/stor-haram-jadi- lokasi-simpan-pindah-tong- lpg	SINAR HARIAN
19-Aug	Sindiket seleweng LPG terbongkar	https:// malaysiaga- zette.com/2024/08/18/ sindiket-seleweng-lpg- terbongkar/	MALAYSIA GAZETTE
19-Aug	Cubaan seludup 1,000 liter petrol ke negara jiran gagal	https:// www.utusanborneo.com.my/ 2024/08/18/cubaan- seludup-1000-liter-petrol-ke- -negara-jiran-gagal	UTUSAN BORNEO